KEMAHIRAN MENULIS PELAJAR DIPLOMA BAHASA ARAB DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BERDASARKAN PERSEPSI DAN UJIAN PENGESANAN

Mohamad Rofian Ismail
mohdrofian@kuis.edu.my

Ahmad Redzaudin Ghazali
redzaudin@kuis.edu.my

Khairatul Akmar Bin Abdul Latif
khairatulakmar@kuis.edu.my

Fahed Bin Maromar
fahed@kuis.edu.my

Saupi Bin Man
msaupi@iium.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perbandingan dan perbezaan antara persepsi pelajar dan ujian pengesanan pelajar Diploma Bahasa Arab dalam menguasai kemahiran menulis. Sebanyak 140 orang responden daripada empat buah institusi pengajian tinggi Malaysia (IPTM) dipilih iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang) sebagai sample kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif perbandingan skor min digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993). Dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan pada persepsi pelajar ialah 3.44(SP=0.80), manakala skor min bagi ujian pengesanan kemahiran menulis pelajar ialah 2.34(SP=1.022). Hal ini menunjukkan skor min persepsi pelajar berada pada tahap sederhana manakala skor min pada ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab berada pada tahap yang rendah. Perbandingan di antara dua skor min mendapati bahawa persepsi pelajar yang sederhana akan mempengaruhi kemahiran menulis pelajar. Ia menunjukkan signifikan di antara kedua skor min tersebut. Jika dilihat pada setiap item dalam konstruk tahap penguasaan menulis bahasa Arab mengikut persepsi pelajar didapati persepsi pelajar terhadap penulisan bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana iaitu pada tahap pertengahan dan memuaskan. Manakala ujian pengesanan yang dijalankan ke atas pelajar pula menunjukkan tahap kemahiran menulis mereka berada pada tahap yang rendah. Justeru, persepsi yang rendah atau

sederhana sebenarnya mempunyai potensi untuk memberi impak yang penting dalam mempengaruhi ujian kemahiran menulis bahasa Arab.

Kata Kunci : *Kemahiran Menulis, Diploma Bahasa Arab, Persepsi, Ujian Pengesanan*

Latar belakang kajian

Tahap penguasaan pelajar peringkat pengajian tinggi dalam kemahiran menulis bahasa Arab merupakan isu yang hangat diperdebatkan dalam kalangan cendiakawan, ahli pendidikan dan pakar bahasa. Banyak kajian yang dijalankan menujukkan pelajar Malaysia terutama mereka yang melanjutkan pelajaran di peringkat universiti telah menghadapi kesukaran dalam kemahiran menulis.

Kajian-kajian lepas menunjukkan kemahiran menulis pelajar berada pada tahap yang kurang memuaskan walaupun pelajar telah mempelajari bahasa Arab lebih dari lima tahun sama ada bermula di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah. Apabila memasuki pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi, pelajar masih berada ditakuk lama sehingga ada sebilangan pelajar yang menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab yang sangat lemah seolah-olah mereka baru mengenali bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh pelajar peringkat diploma tetapi pelajar ijazah sarjana muda turut melakukan perkara yang sama.

Dalam jangka masa yang panjang itu, sudah tentu mereka mampu menulis dengan baik. Che' Pee (1991) berpendapat kelemahan penguasaan bahasa Arab ini, disebabkan oleh kelemahan menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik. Kosa kata merupakan aset penting dalam membina ayat. Menurut Noorazman Mamat (2009) murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan jawapan dalam bentuk esei dan jawapan yang panjang.

Wan NorAzwani Wan Jaafar (2011) dalam kajiannya ada menyatakan bahawa kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) berada pada tahap yang lemah berdasarkan dapatan diperoleh menunjukkan 30.6% pelajar gagal, 8.0% pada tahap lemah, 20.0% pada tahap sederhana, 23.5% pada tahap baik dan hanya 16.0% sahaja mencapai tahap cemerlang. Hal ini memaparkan jumlah peratusan yang tinggi untuk pelajar gagal dan hanya 16% sahaja pelajar cemerlang. Manakala 23.5% pula berada pada tahap sederhana dalam ujian kemahiran menulis yang dijalankan.

Kelemahan dalam kemahiran menulis menurut pandangan Osman Khalid (1990) menyebabkan ramai pelajar gagal mengikuti kursus bahasa Arab pada peringkat universiti dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Madihah Muhammad Yusuf (2009) kepada pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), tentang tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab, menunjukkan hanya 10% sahaja pelajar yang mampu mengeluarkan ayat tersebut dari petikan yang diberi.

Rentetan daripada isu dan masalah yang dibincangkan, pengkaji merasakan satu kajian khusus perlu dijalankan untuk mengkaji tahap sebenar penguasaan pelajar bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi dalam kemahiran menulis. Justeru, pengkaji telah menjalankan satu kajian bersifat kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan persepsi dan ujian pengesanan kepada pelajar peringkat diploma bahasa Arab di IPT bertujuan untuk mengenalpasti dan menentukan

seterusnya membuat perbandingan antara dua kaedah tersebut bagi melihat tahap sebenar penguasaan mereka dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Perbincangan literatur kajian

Umum tahu kemahiran menulis adalah kemahiran yang sangat sukar dikuasai oleh seseorang individu dan merupakan peringkat kemahiran yang tertinggi berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Kesukaran menguasai kemahiran ini menyebabkan pelajar peringkat universiti gagal menulis bahasa Arab dengan baik.

Filzah Nawar (2011) mendapati 58% pelajar tidak mampu menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang politik, 70% pelajar tidak mampu menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang ekonomi dan 68% pelajar tidak mampu menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang sukan. Beliau memilih seramai 32 pelajar dari program pendidikan Islam, USIM sebagai sampel kajiannya. Kelemahan menguasai bahasa ini menyebabkan pelajar takut bercakap bahasa Arab. Kajian Muhamad Hanan (2011) yang dijalankan kepada 30 pelajar Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya mendapati 60% pelajar bersetuju dengan pernyataan mereka takut bercakap bahasa Arab sebab berlaku kesalahan bahasa dalam membina ayat.

Kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar semakin hari semakin ketara dan meningkat terutama kemahiran menulis (Mat Taib, 2006: Che Radiah, 2009). Masalah-masalah seperti ejaan yang tidak tepat, penggunaan kata kerja yang salah dan hilangnya hubungan antara kata dalam satu ayat adalah antara cabaran para pensyarah yang memeriksa kertas jawapan untuk soalan soalan yang melibatkan kemahiran menulis. Para pensyarah terpaksa berulangkali memeriksa dan meneliti kertas jawapan yang ditulis oleh pelajar dan ada yang terpaksa membuat kesimpulan sendiri untuk urusan pemarkahan.

Menurut Ghazali Yusri, (2006) kelemahan pelajar dalam penulisan Arab adalah disebabkan kecuaian pelajar sendiri. Ini dapat dilihat dari kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan antaranya ejaan, pemilihan partikel *Jarr*, perbezaan *jantina*, *I'rab* dan juga penggunaan kata kerja. Beliau mendapati dalam sebuah karangan, pelajar menulis satu perkataan dengan ejaan yang salah dan ada ditulis dengan ejaan yang betul bagi perkataan tersebut. Ini bermakna bukanlah pelajar tidak tahu ejaan sebenar perkataan tersebut. Pemilihan partikel juga merupakan sesuatu yang penting dalam penulisan bahasa Arab mahupun pertuturan. Partikel yang dimaksudkan di sini apabila berhubung dengan kata kerja. Terdapat sesetengah kata kerja hanya akan menunjukkan makna yang sebenar apabila disambungkan partikel dengannya. Menurut Che Radiah (2010), setiap partikel Jarr mewakili maknanya yang tersendiri dan kadangkala mempunyai banyak makna. Oleh itu, mana mana pelajar yang cenderung menterjemahkan unsur-unsur bahasa ibunda ke dalam bahasa Arab didapati sukar untuk menggunakan partikel yang tepat ke dalam bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa yang cukup unik untuk difahami sehinggakan perbezaan jantina turut diberi penekanan yang serius. Penggunaan perkataan berdasarkan jantina maskulin dan feminin akan menjelaskan lagi maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Kaedah asas berkaitan dengan jantina adalah sekiranya perkataan berakhir dengan *'Ta' Marbutoh'* maka perkataan tersebut adalah feminin.

Satu tinjauan awal telah mendapati bahawa ramai pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab di UiTM Melaka mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Masalah-masalah seperti tulisan tidak jelas, tidak cukup simbol dan hilangnya hubungan antara kata dalam satu ayat adalah antara rungutan para pensyarah yang memeriksa kertas jawapan untuk

soalan-soalan yang melibatkan kemahiran menulis. Kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab khasnya di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Melaka mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab terutamanya bahagian *Imlak* (Ejaan), membina ayat untuk menjawab soalan kefahaman dan terjemahan Melayu – Arab atau Inggeris-Arab. Pensyarah sering menghadapi masalah apabila memeriksa kertas jawapan pelajar apabila terdapat tulisan yang tidak jelas, tidak cukup simbol, membawa maksud lain dan melenyapkan hubungan antara kata dalam satu ayat. Penyelidik mendapati banyak kajian dijalankan untuk mengenalpasti masalah pelajar dalam menguasai kemahiran menulis Bahasa Arab ini.

Abd Aziz & Nur Hafizah. (2015) mengaitkan pembelajaran penulisan dengan subjek *Imlak* (Ejaan) dan *Insyak* (Karangan). Beliau melihat kepada pencapaian pelajar yang agak kritikal dalam kedua-dua subjek ini. Pelajar mempunyai masalah dengan tulisan yang tidak jelas, tidak cukup simbol yang mana boleh membawa kepada maksud lain dan melenyapkan hubungan antara kata dalam satu ayat. Masalah ini menimbulkan pelbagai rungutan dalam kalangan pemeriksa kertas jawapan antaranya para pemeriksa terpaksa berulangkali meneliti kertas jawapan yang ditulis sehingga terpaksa membuat rumusan sendiri untuk urusan pemarkahan.

Kajian Redzaudin et. al (2015) mendapati kesalahan Morfologi yang paling ketara yang terdapat di dalam buku teks ialah penggunaan *'Hamzah Wasal'*. Menurut Aziyun (2012), telah banyak kajian yang dijalankan dalam isu penulisan atau ejaan bahasa Arab secara tekal, menunjukkan kesalahan yang paling banyak yang dilakukan ialah penulisan *Hamzah* sama ada di awal perkataan, di tengah atau di akhir perkataan. Ia bukan sahaja dilakukan oleh murid di sekolah rendah, malah pelajar universiti juga melakukan perkara yang sama seperti kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Bakhit (1988) dan juga bakal-bakal guru di institut perguruan (Mohd Nazmi, 2009). Jadi, tidak mustahil kesalahan pada *'Hamzah Wasal'* ini banyak dilakukan. Hal ini kerana, sejak kajian yang dijalankan sehingga tahun 2009, masih tiada perubahan (Aziyun, 2012). Bukan itu sahaja, kajian juga menunjukkan kesalahan yang dilakukan bukan sahaja pada pelajar bahkan bakal pakar bahasa Arab dan guru bahasa Arab juga turut melakukan kesalahan pada penulisan *'Hamzah Wasal'* ini.

Seterusnya, melihat pada kesalahan *Musytaqqat* di mana penulis masih keliru dengan penggunaan *Ism Fa'il* dan *Ism Mafu'l*. Sebagai contoh ayat "طيور محلية مستوردِة" yang sepatutnya pada ayat itu dijadikan sebagai *Ism Mafu'l* iaitu menjadi "طيور محلية مستوردَة" . Selain itu, antara kesalahan yang paling ketara juga ialah kesalahan *Tasrif Feel*. Kesalahan yang tidak sepatutnya berlaku ialah *Tasrif Feel Amar* pada *Dhomir Ghaib*. *Feel Amar* hanya boleh ditasrifkan pada *Dhomir Mukhottab* sahaja. Kesalahan ini tidak sepatutnya berlaku kerana *Tasrif Feel* ialah asas kepada segala ilmu bahasa Arab. Sebelum menulis ayat atau sebelum memulakan percakapan, seseorang itu perlu tahu untuk menggunakan sesuatu *Feel* dalam bentuk *Feel Madhi, Feel Mudhori'* atau *Feel Amar*.

Dari aspek persepsi pula, di dapati dapatan kajian yang dilakukan oleh Yahya & Suzanawaty (2014) selari dengan dapatan soal selidik yang dijalankan. Hasil soal selidik menunjukkan antara 1.87 hingga 1.92, iaitu tahap persepsi sampel adalah tinggi menyatakan keupayaan mereka dalam kemahiran menulis meningkat dari aspek tatabahasa. Rentetan daripada kajian-kajian lepas, disimpulkan bahawa keberkesanan pembelajaran pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya motivasi, sikap, ganjaran, keinginan sendiri dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini ingin mengenalpasti apakah tahap penguasaan bahasa Arab mempengaruhi kemahiran menulis pelajar universiti.

Majalah Dewan Masyarakat keluaran bulan september pada tahun 1997 pernah mengulas tentang sikap negatif beberapa pelajar universiti. Mereka menyatakan bahawa pelajar sering

beranggapan seolah-olah telah berjaya dalam hidup apabila hasrat melanjutkan pelajaran ke menara gading telah tercapai. Prestasi terhadap pencapaian akademik tidak begitu penting bagi mereka. Tanggapan negatif dalam kalangan pelajar boleh memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Malahan, beberapa pelajar mengamalkan sikap sambil lewa dan memandang rendah terhadap kualiti pencapaian akademik. Mereka hanya mahukan sekadar lulus bersama segulung ijazah.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 140 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada empat buah universiti awam iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang). Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu skor min analysis. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti dalam Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

Analisis kajian

Analisis kajian tertumpu kepada analisis perbandingan skor min dan sisihan piawai di antara persepsi pelajar dan ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab. Ia melihat dari aspek sejauh mana persepsi pelajar mempengaruhi kemahiran menulis bahasa Arab pelajar. Jadual 1.1 menunjukkan skor min, sisihan piawaian dan tahap bagi persepsi pelajar. Manakala jadual 1.2 menunjukkan ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab.

Jadual 1.1 Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Persepsi Pelajar

Item soalan	Skor min	Sisihan piawai	Tahap
Saya mampu membina ayat mudah bahasa Arab.	3.91	0.77	Tinggi
Saya menggunakan kosa kata yang dipelajari semasa membina ayat bahasa Arab.	3.95	0.73	Tinggi
Saya mampu menulis bahasa Arab menggunakan tatabahasa Arab yang betul.	3.44	0.79	Sederhana

Saya mampu mengembangkan ayat bahasa Arab menggunakan uslub yang betul.	3.41	0.79	Sederhana
Saya mampu menggunakan penanda wacana dalam pembinaan ayat bahasa Arab.	3.56	0.82	Sederhana
Saya mampu mempelbagaikan uslub penulisan bahasa Arab.	3.29	0.77	Sederhana
Saya mampu menghasilkan idea asas/ utama dalam penulisan karangan bahasa Arab.	3.39	0.77	Sederhana
Saya mampu menghasilkan idea sokongan dalam penulisan karangan bahasa Arab.	3.34	0.80	Sederhana
Saya mampu menghasilkan perenggan pendahuluan dan penutup dalam masa yang singkat.	3.17	0.82	Sederhana
Saya tidak mengambil masa yang lama untuk menghasilkan karangan bahasa Arab	2.90	0.92	Sederhana
Jumlah keseluruhan	**3.44**	**0.80**	**Sederhana**

Jadual 1.2 Ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab

Item soalan	**Skor min**	**Sisihan piawai**	**Tahap**
Ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab	2.34	1.02	Rendah

Berdasarkan skor julat min pada jadual 1.1 iaitu persepsi pelajar mempengaruhi kemahiran menulis bahasa Arab dan jadual 1.2 iaitu ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab didapati bahawa skor min keseluruhan pada persepsi pelajar ialah 3.44 dan sisihan piawai 0.80, manakala skor min bagi ujian pengesanan kemahiran menulis pelajar ialah 2.34 dan sisihan piawai 1.02. Hal ini menunjukkan skor min persepsi pelajar berada pada tahap sederhana manakala skor min pada ujian pengesanan kemahiran menulis bahasa Arab berada pada tahap yang rendah.

Perbandingan di antara dua skor min mendapati bahawa persepsi pelajar yang sederhana akan mempengaruhi kemahiran menulis pelajar. Ia menunjukkan signifikan di antara kedua skor min tersebut. Jika dilihat pada setiap item dalam konstruk tahap penguasaan menulis bahasa Arab mengikut persepsi pelajar didapati persepsi pelajar terhadap penulisan bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana iaitu pada tahap pertengahan dan memuaskan. Manakala ujian pengesanan yang dijalankan ke atas pelajar pula menunjukkan tahap kemahiran menulis mereka berada pada tahap yang rendah. Justeru, persepsi yang rendah atau sederhana sebenarnya mempunyai potensi untuk memberikan impak yang penting dalam mempengaruhi ujian kemahiran menulis bahasa Arab.

Dapatan kajian

Berdasarkan analisis perbandingan skor min di atas, kajian dapat merumuskan bahawa persepsi pelajar diploma bahasa Arab terhadap tahap mereka dalam kemahiran menulis berada pada tahap yang sederhana pada semua item yang dikaji melainkan pada dua item sahaja iaitu item pertama saya mampu membina ayat mudah bahasa Arab dan item yang kedua saya menggunakan kosa kata yang dipelajari semasa membina ayat bahasa Arab. Kedua-dua item ini berada pada tahap skor min yang tinggi.

Sebaliknya, dapatan daripada ujian pengesanan pelajar menunjukkan tahap pencapaian pelajar diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berada pada tahap yang rendah. Perbezaan tahap antara persepsi dan ujian pengesanan pelajar dalam kajian ini menggambarkan tahap sebenar kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi Malaysia. Dapatan melalui ujian pengesanan juga menunjukkan kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab tertumpu kepada aspek sintaksis, morfologi, ejaan, penanda wacana, kata hubung, pengembangan ayat dan penulisan esei. Manakala, persepsi pelajar terhadap penggunaan aspek-aspek tersebut dalam penulisan menunjukkan tahap skor min yang sederhana.

Cadangan dan penyelesaian

Setelah di analisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar peringkat institusi pengajian tinggi dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Berikut adalah cadangan dan solusi yang dikemukakan:

1. Penulisan pelajar mestilah berpandu dan dibimbing. Pelajar perlu dibekalkan sebuah modul kemahiran menulis yang mengandungi model pola binaan ayat yang pelbagai bermula daripada binaan ayat yang mudah sehingga kepada penghasilan karangan.

2. Aktiviti pengajaran kemahiran menulis perlu disesuaikan dengan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar. Tenaga pengajar dicadangkan melaksanakan aktiviti pengajaran berpusatkan pelajar dengan sentiasa membuat pemantauan dan membetulkan kesilapan dalam penulisan pelajar.

3. Penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab seringkali diabaikan. Pengkaji menyarankan agar pelajar didedahkan cara dan teknik menggunakan kamus dengan betul dalam penulisan bahasa Arab. Hal ini kerana kosa kata yang terdapat dalam kamus terdiri daripada pelbagai bentuk morfologi dan simentik yang berbeza khususnya dari sudut penggunaan dan aplikasinya dalam penulisan.

Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa tahap penguasaan pelajar diploma bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Malaysia berada pada tahap yang sederhana jika dilihat dari sudut persepsi pelajar. Namun begitu, tahap sebenar mereka dalam kemahiran menulis bahasa Arab adalah lemah.

Hal ini telah dibuktikan melalui dapatan kajian yang menggunakan instrumen ujian pengesanan pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Rujukan

Abd Aziz & Nur Hafizah. (2015). *Penggunaan imitasi dalam penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti*/Nur Hafizah binti Abd Aziz (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Yaakob Hasan,Md. Noor Hussin, Noor Shamsinar Zakaria & Hanis Najwa Shaharuddin. *Analisis Kesalahan Morfologi Buku Teks Bahasa Arab Peringkat Tinggi Di Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).*

Aziyun Othman. (2012). *Penulisan Hamzah dalam kalangan Murid dan Guru Bahasa Arab: Satu Tinjauan.* Kertas kerja yang dibentangkan pada Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012.

Che' Pee Che' Hanafi (1991). Pelajar sekolah menengah agama: Cabaran dan masa hadapan. *Journal Pendidikan Islam*, 3, 13-16.

Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab* (Cetakan Pertama). Universiti Putra Malaysia Berhad.

Che Radiah Mezah. (2010). Pengajaran Bahasa Arab Himpunan Pedoman buat Guru dan Bakal Guru. (Cetakan Pertama). Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Filzah Nawar (2011). *Tarjumat Kalimaat Sahafiyyah Lada Talabah Wa Talibaat Sanah Thalithah Bi Jami'ah Ulum Islamiyyah Maliziyyah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Ghazali Yusri Abd Rahman & Ahmad Salleh. (2006). *Kemahiran Menulis Tulisan Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM: Kelemahan Dan Cara Mengatasinya*. Laporan Penyelidikan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Hanan, M. (2011). *Asbab Khauf Lada Talabah Jami'ah Malaya Fi Kulliyyah Islamiyyah Fi Muhadathah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Jamil Ahmad. 1993). *Tinjauan Tentang Kekangan-Kekangan Dalam Pelaksanaan Sains KBSM Di Sekolah Sekolah Menengah Negeri Kedah Darul Aman*. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.

Madihah Muhammad Yusuf (2009). *Mustawa Ma'rifah Jumal Ismiyyah Lada Talabah Wa Talibaat Sanah Thalithah Bi Kulliyah Dirasaat Quran Wa Sunnah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. disunt: Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Nazmi Desa. (2009). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Kedudukan Hamzah Dalam Perkataan Arab Dalam Kalangan Pelajar PISMP Bahasa Arab di IPGM Kampus Tuanku Bainun Dengan Menggunakan Modul Asadullah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke - 7 (Peringkat Nusantara) (pp. 37-47). Gontor: Institut Studi Islam Darussalam.

Osman Khalid (1990). Ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah fi jami'ah al-mahaliyyah: Qadiyyah al-jamiah al-qataniyyah. *Seminar Peningkatan Pengajaran Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Wan NorAzwani Wan Jaafar (2011). *Penguasaan kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar Kelas Aliran Agama di Kota Setar*.

Yahya, Othman, & Suzanawaty, P. O. D. (2014). *Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah (The Ability to Master the Writing Skills Through Project Based Learning in Writing Brochure in the Primary School)*. Malay Language Education Journal–MyLEJ,4(1),2180–4842.Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/7110/1/19-29_Yahya_et_al.UKM.pdf.